MAHATHIR-TINDAKAN 5 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR.MAHATHIR BERKATA RANCANGAN KERJA APDC JUGA MENUNJUKAN BEBERAPA PERHATIAN UTAMA MALAYSIA DAN JUGA NEGARA-NEGARA LAIN DI RANTAU INI.

BELIAU BERKATA SEMENTARA PENYELESAIAN BAGI MASALAH-MASALAH TERTENTU BOLEH DIAPATI SECARA TEMPATAN, DALAM NEGARA TERTENTU, PERKONGSIAN KEPAKARAN DAN PENGALAMAN DALAM RANGKA KERJASAMA SERANTAU SEPERTI ASEAN BOLEH MENGGALAKKAN PENDEKATAN YANG LEBIH SESUAI DAN DASSAR-DASAR YANG LEBIH BERKESAN.

SEBELUM ITU SETIAUSAHA EKSEKUTIF ESCAP, ENCIK S.A.M.S. KIBRIA, DALAM UCAPANNYA BERKATA PERDANA MENTERI BUKAN SAHAJA MELANCARKAN HANYA SATU KEMUDAHAN ATAU SATU BANGUNAN TETAPI +SATU PUSAT INTELEK SERANTAU+.

+PUSAT TERSEBUT MELIPUTI INSTITUSI BAGI PENGAJIAN PEMBANGUNAN LANJUTAN, YANGBERUPAYA MENYEDIAKAN KEPIMPINAN INTELEK DALAM PENCARIAN MODEL PEMBANGUNAN YANG SESUAI BAGI KEHENDAK KHAS NEGARA-NEGARA DI RANTAU ASIA DAN PASIFIK+,+ KATANYA.

MATALAMAT JANGKA PANJANG PUSAT INI, KATA ENCIK KIBRIA, IALAH PERKEMBANGAN STRATIJI-STRATIJI YANG MENEKANKAN CORAK PERKEMBANGAN YANG AKAN MENGURANGKAN TARAF KEMISKINAN DI RANTAU INI DI MANA KIRA-KIRA 2,435 JUTA MANUSIA, ATAU LEBIH SEPARUH DARI BILANGAN PENDUDUK DUNIA, BERADA.

-- BERNAMA 1545/AN